

Cabutan

Sepuluh tahun ketika bayi itu dikandung lagi telah dinanti-nanti dengan sorak gembira nyanyian-nyanyian yang penuh harapan tetapi anak yang diharap menyinarkan cahaya, memberi nafas baharu dan simpati perdamaian 150 juta keluarga jiran-jiran tiba-tiba lahir dalam keadaan yang cacat.- En Abdul Samad Gul Muhammad¹ Mianji wakil PAS dalam menentang Undang-undang Bahasa di Parlimen.

*

Anggota-anggota Perikatan telah diberi arahan supaya jangan menentang rang Undang-undang Bahasa ini dan mereka yang menentang boleh diambil tindakan tata tertib dan dipecat dari parti.- Abdul Samad Gul.

*

Tengku selalu mengingatkan orang-orang Melayu supaya bertimbang rasa dengan orang-orang lain. Sudahkah nasihat itu diberikan kepada orang-orang lain supaya kasihanlah kepada orang-orang Melayu yang telah hilang segala-galanya? – Tanya Abdul Samad Gul.

*

Inilah nasib orang-orang Melayu menjadi tukang dengar dan lihat. Dengar dan lihat kemakmuran, mewah dan bahagia tetapi yang merasai orang lain. - Abdul Samad Gul.

*

Yang menyedihkan ialah kata-kata Tengku terhadap orang-orang Melayu kalau tak bertolak ansur huru hara akan timbul. Adakah orang-orang Melayu sahaja yang menimbulkan huru-hara? – Tanya Abdul Samad Gul.

¹ Perkataan sebenarnya ialah Ahmad

Wakil Pasir Puteh itu (Datuk Asri) tidak dapat menjadi Menteri Besar dan wakil Pasir Emas². (Abdul Samad Gul) tidak akan dapat berjam-jam bercakap di dalam dewan kalau di dalam pemerintahan British dahulu.- Tun Dr. Ismail.

*

Perikatanlah yang membawa kemerdekaan dan kerana bertolak ansur mengenai kerakyatan maka kaum-kaum lain menerima bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal.- Tun Dr. Ismail.

*

Pemimpin-pemimpin M.C.A dan M.I.C telah memberikan jaminan mereka bahawa mereka tidak akan mengambil kesempatan untuk menggunakan Fasal 3 ini (dalam Rang Undang-undang bahasa - P.) untuk menuntut bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa kebangsaan – Tun Abdul Razak.

*

Kalau seseorang itu hendak mengubah buku undang-undang ke dalam bahasa kebangsaan mereka hendaklah mempunyai cukup luas pengetahuan tentang bahasa kebangsaan. – Tun Abdul Razak

*

Mereka yang cuba menggunakan pertelingkahan tentang bahasa kebangsaan ini mestilah bertanggungjawab sekiranya sesuatu yang tidak baik berlaku. – Tun Abdul Razak.

*

Saya merayu kepada orang-orang Melayu supaya mereka bersabar dan memberikan peluang kepada orang-orang bukan Melayu untuk belajar bahasa kebangsaan. – Senator Tan Sri C. H. Tan.

² Perkataan sebenar ialah Mas

Semua penduduk-penduduk Malaysia sekarang berasa senang hati kerana Fasal 3 Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan ini menggunakan pemakaian-pemakaian bahasa lain selain daripada bahasa kebangsaan. – Senator Tan Sri C.H Tan.

*

Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman bolehlah disifatkan sebagai seorang “doktor” yang mengubati suatu keluarga yang sakit. Doktor itu memberikan ubat kepada keluarga yang sakit itu. – Senator Obaidullah.

*

Indonesia telah dengan jayanya menggunakan bahasa Indonesia sebagai bahasa rasmi dan kerana itu tidak ada sebab bahasa kebangsaan tidak dapat digunakan di Malaysia. – Senator Obaidullah.

*

Walaupun mereka (Tengku dan Tun Razak – P.) orang-orang Melayu dan bangga berbangsa Melayu namun mereka telah membuktikan bahawa mereka pemimpin-pemimpin rakyat seluruh Malaysia. – Tan Siew Sin.

*

Sekarang bertolak ansur pula dalam bahasa dan dalam soal ini Tengku telah meraba-raba mencari alasan untuk menghalalkan tolak ansurnya itu. – Muhammad Asri.

*

Bolehlah disifatkan satu tragedi besar bahawa PAS menentang suatu Rang Undang-undang yang bertujuan hendak mendaulatkan bahasa Melayu. Rang Undang-undang itu ialah satu perkara yang akan memenuhi hasrat rakyat negeri ini. – Wan Abdul Kadir Ismail.